



UCAPAN PERASMIAN MAJLIS ANUGERAH IBU CEMERLANG 2009 PUSPANITA RISDA IBU PEJABAT

**OLEH:
YG. BHG. PUAN SRI DATUK HJH. ZABEDAH BT ABDULLAH
PENAUNG PUSPANITA RISDA**

**TEMPAT: DEWAN GEMALASARI
TARIKH: 8 MEI 2009
MASA : 3.00 PETANG**

- Yang Berusaha Saudari Pengerusi Majlis
- Yang Berbahagia Datin Zaimah binti Zakaria,
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil RISDA yang saya
kasihi
- Pengarah-Pengarah Bahagian dan isteri,
- Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat dan isteri,
- AJK-AJK PUSPANITA RISDA,

- Ibu-ibu cemerlang serta anak-anak,
- Serta semua ahli-ahli PUSPANITA RISDA

3

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

1. Penghargaan

Alhamdulillah, terlebih dahulu ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya di beri kelapangan waktu dan kesihatan dapat saya bersama Tuan-tuan dan Puan-puan berkumpul pada petang ini bagi meraikan Majlis Anugerah Ibu Cemerlang PUSPANITA RISDA Tahun 2008. Syabas dan tahniah kepada Pengerusi PUSPANITA RISDA dan jawatankuasanya serta semua ahli yang berjaya

4

menganjurkan satu program tahunan ini dengan begitu baik dan lancar sekali. Saya mengucapkan setinggi terima kasih dan penghargaan di atas undangan yang diberi, dan yang paling penting kita dapat bersama-sama kembali menyambung silaturrahim melalui program murni PUSPANITA RISDA.

Saya percaya bahawa program ini tidak mungkin dapat dilaksanakan sebegini baik sekiranya tanpa semangat kerjasama dan kesepakatan yang erat dari puan-puan selaku penggerak serta juga daripada ahli-ahli sendiri. Kata seorang pujangga, **“dua orang tidak mungkin jalan bersama kalau tidak sepakat”**.

5

2. Majlis Anugerah Ibu Cemerlang

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Puan-puan yang menerima Anugerah Ibu Cemerlang pada hari ini atas kejayaan cemerlang anak-anak Puan dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM pada tahun 2008. Kejayaan anak-anak ini adalah hasil usaha didikan puan-puan yang telah memberikan 'quality time' kepada mereka. Kejayaan ini juga merupakan kejayaan RISDA kerana Puan-puan telah turut mengharumkan nama RISDA di peringkat Kementerian. Saya mendoakan semoga anak-anak Puan akan terus berjaya di masa hadapan, insyaAllah.

6

"Kasihnya ibu membawa ke syurga...", kata seniman agung negara Allahyarham Tan Sri (Dr.) P. Ramlee. Mutiara kata dari bait-bait lagu yang menyentuh perasaan itu membawa makna besar akan erti kasih sayang seorang ibu. Tentulah kita maklum bahawa bagi setiap insan khususnya warga muslim, syurga itu adalah titik akhir yang diimpikan oleh kita semua.

"Syurga itu di telapak kaki ibu", antara senikata lagu oleh penyanyi Tiar Ramon yang diversikan semula oleh penyanyi Emillia Contessa dan Dato' Sharifah Aini.

7

Kedua-dua lagu itu cukup melekat di hati kita kerana ianya membawa mesej yang jelas terhadap dedikasi kita terhadap ibu yang merupakan anugerah Allah yang tidak ternilai.

Sedar tak sedar, dalam kita menjalani kehidupan ini wujud sebahagian daripada kita sendiri yang telahpun menjadi "ibu". Ada juga sebilangannya di sini yang menjadi atuk, wan, opah atau nenek. Begitulah putaran alam.

Saya tertarik dengan mutiara kata dari Napoleon Bonaparte, seorang penakluk hebat beratus tahun dahulu. Katanya, **"Ibu**

8

yang baik melahirkan suatu bangsa yang baik juga”. Begitu juga dengan ungkapan dari Henry Ward Beecher, **”Hati seorang ibu itu adalah ruang sekolah anak-anak”**. Sama-samalah kita fikir dan renungkan ungkapan yang cukup bernas ini.

Sesungguhnya kita amat menghargai jasa dan pengorbanan seorang ibu yang melahirkan kita ke dunia ini. Begitulah juga harapan kita kepada anak-anak yang menjadi generasi penerus kehebatan seorang ”ibu”.

2.Isu Semasa Negara

Hadirin yang dimuliakan, mutakhir ini dunia diancam dengan pelbagai musibah. Dari peperangan, kegawatan ekonomi dan terkini penyakit influenza H1N1 (selsema babi). Semuanya ini memerlukan kita semua memusatkan pemikiran untuk mencari kaedah atau jalan penyelesaiannya.

Jika peperangan dan kekacauan yang meletus di negara lain contohnya, pasti ianya tidak diingini berlaku di negara kita sendiri. Lalu, apakah tanggungjawab besar kita ? Lagi sekali sudah pasti kita sebagai warga negara yang bertanggungjawab dapat

memainkan peranan dengan sewajarnya melalui pendekatan kekeluargaan misalnya.

Dalam kegawatan ekonomi ini pula, pastilah tanggungjawab kita sebagai wanita yang berkerjaya dapat meningkatkan ekonomi diri dan keluarga melalui sumber-sumber ekonomi tambahan yang dibenarkan misalnya. Jika kita sudah berkeluarga, tanggungjawab besar kita tentulah boleh menjadi family banker yang mengatur kewangan secara berhemah demi memastikan kelancaran hidup dapat diteruskan.

Terkini, penyakit influenza H1N1 yang melanda secara global. Saya berharap agar kita semua dapat memberikan perhatian yang khusus terhadap apa jua arahan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berwajib dalam usaha untuk mencegah ianya daripada menular di kalangan kita.

Sebagai langkah awal, adalah bijak jika ketika ini kita tidak melakukan perjalanan ke luar negara khususnya ke negara-negara yang dijangkiti wabak tersebut. Keduanya, melakukan usaha-usaha pembersihan di sekitar tempat tinggal, kerana dalam kita berhati-hati terhadap influenza H1N1, denggi juga masih

menjadi ancaman domestik. Jadi, penjagaan persekitaran itu lebih penting dalam memastikan kita tidak dihinggap dengan penyakit-penyakit bawaan nyamuk dan sebagainya yang boleh memudaratkan diri kita, keluarga dan masyarakat umumnya.

Kes ragut juga kian menjadi-jadi di seluruh negara. Jangan sekali-kali kita fikir bahawa kes ragut hanya terjadi kepada orang lain sahaja dan kita atau ahli keluarga kita tidak akan menjadi mangsa. Berhati-hati dan berwaspadalah dalam mengharungi kehidupan seharian kita. Berhati-hati dan berwaspada itu akan membantu

13

kita dalam menghadapi hidup yang lebih selesa dan sejahtera. Insya-Allah.

Kepimpinan negara kita juga telah turut berubah, Kita mempunyai Perdana Menteri dan barisan kabinet yang baru. Kita juga perlu seiring dengan konsep ' Satu Malaysia: Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan'. Kita juga mempunyai Menteri KKLW yang baru. Kita sebagai ahli PUSPANITA juga perlu seiring dengan halatuju Menteri baru dalam melaksanakan tugas-tugas pembangunan luar bandar.

14

4. Warga RISDA ke arah minda kelas pertama

Dalam melaksanakan aktiviti PUSPANITA, jangan kita abaikan tugas dan tanggungjawab kita sebagai warga RISDA. Kalau selama ini kita anggap tugas kita sebagai satu routine, sudah sampai masanya kita beralih arah untuk menjadikan tugas kita sebagai satu cabaran. Kita perlu suatu perubahan dan pembaharuan yang besar. Kita perlu suatu proses transformasi yang akan mengubah minda kita. Kita perlu berani bertarung minda dalam persekitaran global. Berlumbalah untuk mendapatkan ilmu dan rebutlah peluang yang terbentang luas. Kita perlu komited 100% kepada tugas yang telah diamanahkan

15

kepada kita. Sebagai Penaung PUSPANITA RISDA, Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan RISDA yang sentiasa memberi sokongan, dorongan dan bantuan kepada PUSPANITA RISDA dalam melaksanakan aktivitinya. Oleh itu sebagai ahli PUSPANITA, gunakanlah peluang yang telah diberikan ini sebaik mungkin

5. Penutup.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yg. Berbahagia Datin Zaimah di atas inisiatif untuk mengadakan

16

Majlis ini serta AJK yang telah bersungguh-sungguh bekerja untuk menjayakan Majlis ini. Semoga hasil sumbangan Puan-puan yang dilakukan secara sukarela tanpa apa-apa ganjaran memberi kepuasan peribadi. Saya harapkan PUSPANITA RISDA yang aktif dan sentiasa adakan program-program yang mengikuti 'current changes' dan seterusnya dapat membantu RISDA dalam mencapai visi dan pembangunannya. Saya berharap kerjasama yang baik dan hubungan yang harmoni yang sedia ada pada masa ini perlu di pelihara dan dikekalkan.

17

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya merasmikan **Majlis Anugerah Ibu Cemerlang PUSPANITA RISDA Tahun 2008**

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalammualaikum wbt.**

18